



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
13 MEI 2018 (AHAD)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---------------------------|----|
| - Demi penunggang basikal | 22 |
|---------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2018 (AHAD)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Demi penunggang basikal
Muka Surat	22

Demi penunggang basikal

SH 13/5/18 M/S 22

MPAJ mohon peruntukan bina laluan khas untuk keselamatan

AHMAD ISMADI ISMAIL

TAMAN MELAWATI

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan memohon peruntukan dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi mewujudkan laluan khas basikal untuk keselamatan penunggang basikal.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, kini penunggang basikal terpaksa berkongsi laluan basikal dengan pengguna jalan raya.

"Saya menggesa pengguna jalan raya agar bertolak ansur dengan penunggang basikal yang menggunakan laluan basikal.

"Pengguna jalan raya juga harus menghormati dan memberi keutamaan kepada penunggang basikal.

Beliau berkata, laluan basikal di MPAJ berada di atas jalan raya kerana bajet pihak berkuastra tempatan itu tidak mencukupi untuk mewujudkan laluan khas basikal.

"Walabagaimanapun, kita akan buat laluan khas basikal ini secara berperingkat demi keselesaan penunggang basikal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, pihaknya juga ada menerima aduan berkaitan saiz laluan basikal yang kecil.

"Kita tidak tahu berapa jumlah penunggang basikal



Abd Hamid (kiri) merasmikan program Kayuhan Santai Taman Melawati.

di kawasan Ampang Jaya. Kita tidak mahu melakukan pembaziran jika memperbesarkan laluan itu, tetapi tiada sesiapa yang menggunakaninya," katanya.

Beliau berkata, MPAJ telah menyediakan beberapa laluan basikal di bawah pentadbiran pihak berkuastra tempatan itu.

"Jarak laluan basikal di

Taman Melawati adalah 5.7 kilometer, laluan basikal di Bukit Indah adalah 3.3 kilometer dan seterusnya jarak laluan basikal di Pandan Indah adalah 3.7 kilometer,"

info
Laluan basikal di MPAJ berada di atas jalan raya kerana bajet pihak berkuastra tempatan itu tidak mencukupi untuk mewujudkan laluan khas basikal.

katanya pada perasmian Program Kayuhan Santai Taman Melawati, semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Abd Hamid memaklumkan program itu adalah bertujuan mengerakkan silaturahim dan hubungan keluarga antara penduduk.

"Penganjuran program ini merupakan salah satu cara menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua penduduk setempat," katanya.